

UMS tambah dua pingat perak SUKIPT

UB 7.2.18 12

KOTA KINABALU: Universti Malaysia Sabah (UMS) tambah dua pingat perak pada hari keempat Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor pada Selasa.

Pingat perak itu dimenangi Cristina Ideris dalam acara silat tanding Kelas E wanita dan JI Fedalliah Claritta Jaimin dalam acara lompat jauh wanita.

Cristina yang juga disifatkan sebagai 'Iron Lady' UMS kerana beliau juga adalah atlet ragbi, bola jaring dan karate gagal mempertahankan pingat emasnya apabila serangannya tidak dibenarkan dalam satu insiden sehingga menyebabkan lawan tidak dapat meneruskan perlawanan.

"Ketika itu Cristina sedang mendahului dua mata tetapi apabila serangannya itu tidak dibenarkan, lawan yang tidak dapat meneruskan perlawanan itu diberikan kemenangan," kata Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong ketika dihubungi.

Cristina akan membawa cabaran UMS dalam acara karate pula hari ini.

Tambahan dua pingat perak itu menjadikan pingat keseluruhan UMS sehingga Selasa kepada 1 emas, 5 perak dan 1 gangsa. Pingat lain dimenangi skuad taekwondo pada hari pertama perlawanan.

UMS yang hanya menghantar kekuatan 18 atlet dan tujuh pegawai mensasarkan 2 emas,



JI FEDALLIAH

2 perak dan 2 gangsa pada sukan yang telah bermula pada 3 Februari tu.

UMS hanya mengambil bahagian enam acara sukan

iaitu taekwondo, silat, karate, olahraga, boling tenpin dan petanque.

Sukan yang akan berlangsung sehingga 10 Februari itu mempertandingkan 27 jenis sukan.

Sukan lain yang dipertandingkan adalah ragbi, sofbol, boling padang, kriket, bola sepak, hoki enam sebelah, badminton, ping pong, catur, bola tampar, lawan pedang, sepak takraw, skuasy, bola jaring, golf, tenis, bola tampar pantai, berbasikal, menembak, memanah dan renang.

Sukan itu disertai lebih 100 pasukan melibatkan semua IPT awam dan swasta, kolej-kolej universiti, politeknik dan kolej komuniti di negara ini. - **Oleh VITALIS G BINGKASAN**